

Mendidik generasi baru tolak perang

um- 6/2/2007

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)



Dedahkan Jenayah PERANG

MEMBINA dunia yang aman tanpa peperangan memerlukan satu pendekatan agresif untuk mendidik semula masyarakat dunia mengenai keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

Mengapa pendidikan semula terpaksa dilakukan kerana nilai-nilai ini sebenarnya telah hilang dalam diri masyarakat menyebabkan berlakunya konflik serta peperangan yang bukan sahaja menghapuskan keamanan tetapi perasaan kasih sayang dan belas kasihan turut dibunuh dari muka bumi ini.

Masyarakat dunia selama ini disajikan dengan kebaikan peperangan bahawa ia menggulingkan pemimpin diktator, menghapuskan penguasaan, senjata pemusnah besar-besaran malahan pelbagai lagi penyakit masyarakat dan paling penting kononnya ia akan mewujudkan keamanan.

Perkara-perkara ini menyebabkan masyarakat dunia tidak melihat peperangan itu sebagai satu jenayah, bukan sahaja jenayah kepada mangsa peperangan tetapi ia juga merupakan jenayah kepada kemanusiaan dan dunia ini.

Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang-Jadikan Peperangan Satu Jenayah anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana (PGPF) merupakan gerakan untuk mendidik masyarakat dunia mengenai erti peperangan sebenar

serta menanamkan semula sifat sukakan keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

Persidangan ini juga merupakan forum terbaik untuk mendidik masyarakat dunia bahawa keamanan, keadilan, kasih sayang dan belas kasihan masih hidup tetapi ia tertanam jauh di sanubari menyebabkan ia hampir dilupakan.

Seperti apa dikatakan oleh Cynthia McKinney, bekas wakil daerah keempat Georgia Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (AS) yang melihat persidangan antarabangsa ini sebagai pusat pendidikan baru mengenai keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

"Kita berkumpul di ibu kota keamanan iaitu Kuala Lumpur kerana kita hendak dididik semula mengenai erti keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

"Pendidikan ini akan menjadikan kita semua sebagai masyarakat yang aman dan adil serta mempunyai nilai-nilai kasih sayang serta belas kasihan yang tinggi," katanya.

McKinney menegaskan, dunia tidak boleh menunggu lagi untuk mendidik semula masyarakat mengenai keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

Apa yang menakutkan ujarnya, masyarakat dunia tidak menunggu AS untuk mendidik mereka semula mengenai erti keamanan dan kasih sayang sebaliknya masyarakat dunia yang kini mengajar AS mengenai nilai-nilai tersebut.

Malahan katanya, dunia tidak menunggu pengundi-pengundi AS bertindak untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin mereka yang merupakan penjenayah perang sebaliknya dunia menunjukkan bahawa mereka lebih berani bertindak dan AS akan ketinggalan di belakang dalam realiti baru dunia.

"Apa yang kita lihat sekarang, masyarakat dunia mengajar AS dengan melantik pemimpin-pemimpin yang inginkan keamanan dan ini terpancar dengan pemilihan ketua-ketua negara seperti di Haiti, Venezuela, Ar-

gentina dan Sepanyol yang berjuang untuk mencapai matlamat tersebut," ujar McKinney.

Tegasnya, pemimpin-pemimpin ini sekarang ini menggunakan kewangan kerajaan untuk mendidik masyarakat agar menjadi manusia yang sayangkan keamanan untuk kehidupan yang lebih baik pada masa depan.

Tambah beliau, tidak ada lagi pembelian senjata atau apa sahaja yang akan membolehkan berlakunya konflik serta peperangan.

Sehubungan itu, dalam usaha mendidik masyarakat dunia ini mengenai keamanan, kasih sayang dan belas kasihan serta peperangan satu jenayah maka kita perlu membina pangkalan pusat pendidikan semula.

Seperti apa yang dikatakan oleh Pengerusi PGPF, Tun Dr. Mahathir Mohamad, kita menyampaikan ucapan utama semasa perasmian persidangan itu semalam: "Kita perlu membina pusat untuk menyebarkan pendidikan ini serta idea bahawa peperangan itu satu jenayah terhadap kemanusiaan."

Tegasnya, ini memandangkan masyarakat dunia perlu mengetahui realiti dan bahaya peperangan.

"Kita perlu menyebarkan mengenai perkara ini di seluruh dunia, kita perlu mendapatkan sokongan, kita perlu mengumpulkan kumpulan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk keamanan dan perjuangan ini perlu dipertahankan selama mungkin," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, ketamadunan dunia akan lebih bermakna sekiranya peperangan, pembunuhan dan kemusnahan tidak lagi diterima untuk menyelesaikan masalah masyarakat dunia.

Namun usaha mendidik masyarakat dunia memang sukar seperti kata-kata yang dilemparkan oleh Pakar Radiasi Dr. Leuren Moret bahawa dunia kini diperintah oleh pemimpin-pemimpin yang gila akibat daripada radiasi nuklear yang menjejaskan pertumbuhan otak.

"Salah seorang yang dilahirkan dengan penyakit ini ialah Presiden AS, George W. Bush," katanya dengan selamba dan disambut tepukan gemuruh daripada peserta-peserta persidangan antarabangsa yang memenuhi setiap ruang Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Kenyataan Dr. Leuren ini memberikan realiti bahawa usaha untuk melakukan pendidikan semula erti keamanan, kasih sayang dan belas kasihan ini memang sukar.

Namun seperti apa yang ditegaskan oleh McKinney bahawa yang menjadi taruhan ialah kemanusiaan maka masyarakat dunia tidak mempunyai pilihan untuk memastikan ia berjaya.

Serta berdasarkan kepada penyertaan dalam persidangan antarabangsa ini yang rata-ratanya terdiri daripada pelajar-pelajar universiti dan generasi muda, dunia mempunyai peluang untuk menjadi aman.